

DYNA CALCIUM CARBONATE TABLET 500MG

Calcium Carbonate (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg
2. Bagaimana Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg berfungsi
3. Sebelum mengambil Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg
4. Cara menggunakan Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg
5. Semasa menggunakan Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg

Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg digunakan sebagai

- Antacid.
- Suplemen kalsium dalam keadaan kekurangan kalsium.
- Tambahan kalsium dalam pengurusan osteoporosis dan
- Sebagai *phosphate binder* untuk merawat *hyperphosphataemia* pada pesakit dengan *renal failure* yang kronik.

Bagaimana Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg berfungsi

Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg mengandungi kalsium yang penting untuk integriti fungsi sistem saraf, otot, dan rangka, di samping untuk mengawal pelepasan dan penyimpanan neurotransmitter dan hormon, pengambilan dan mengikat asid amino, penyerapan vitamin B12, dan rembesan gastrik.

Sebelum mengambil Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg

- Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada kalsium atau mana-mana kandungan lain di dalam ubat ini.
- Pesakit dengan *hypercalcaemia*, *hypercalciuria*, *renal failure* yang parah.

Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

- Sebelum mengambil

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang atau baru sahaja habis mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg

Sentiasa gunakan Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

Telan keseluruhan ubat dengan air.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

Hypocalcemia:

1.25 g (2½ biji, i.e. bersamaan dengan 500 mg kalsium) dua hingga empat kali sehari selepas makan.

Hyperphosphatemia:

5-13 g (10-26 biji, i.e. bersamaan dengan 2 hingga 5.2 g kalsium) sehari dengan kadar sama untuk setiap kali makan.

Antacid:

500 mg (1 biji) tiga hingga empat kali sehari selepas makan.

- Bila perlu digunakan

Ambil seperti yang telah diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda mengingatnya dan teruskan pengambilan dos seterusnya seperti biasa.

Jika ia sudah hampir dengan dos yang seterusnya, abaikan dos yang tertinggal itu dan teruskan pengambilan ubat seperti biasa.

Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi Jabatan Kecemasan di hospital yang berdekatan atau maklumkan kepada doktor anda dengan segera sekiranya anda (atau orang lain) telah menelan ubat ini dalam kuantiti yang banyak, atau anda rasa jika ada kanak-kanak yang telah tertelan ubat ini.

Simptom hiperkalsemia yang disebabkan oleh terlebih dos termasuk anorexia, mual, muntah, sembelit, sakit perut, kelemahan otot, gangguan mental, *polydipsia*, *polyuria*, *nephrocalcinosis*, *renal calculi*, dan dalam kes-kes yang teruk, aritmia jantung dan koma.

Semasa menggunakan Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg

- Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Kesan terhadap keupayaan memandu atau menggunakan mesin tidak diketahui.
- Penggunaan serentak Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg dengan diuretik thiazide, Vitamin D, dedak, atau kortikosteroid.
- Terapi kalsium parenteral sebaiknya dielakkan pada pesakit menerima glikosida jantung.
- Kalsium mengurangkan penyerapan beberapa ubat yang lain seperti bisphosphonates, fluoride, fluoroquinolones, dan tetracyclines; dos perlu diselangkan sekurang-kurangnya 3 jam.

DYNA CALCIUM CARBONATE TABLET 500MG

Calcium Carbonate (500mg)

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

- Sembelit
- Perut kembung
- Hipersekresi gastrik
- Peningkatan asid
- Hiperkalsemia
- Alkalosis
- Sindrom susu-alkali and
- Kalsifikasi tisu

Jika kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Dyna Calcium Carbonate Tablet 500mg

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak
Jangan simpan melebihi 30°C
Lindungi daripada cahaya

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Berwarna oren, bulat, rata, dengan *garisan pemisah di tengah-tengah*; tablet yang tidak bersalut.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Calcium Carbonate
- Bahan tidak aktif:
Microcrystalline Cellulose,
PVP K90,
Magnesium Stearate,
Aerosil 200
Croscarmellose Sodium, dan
Sunset Yellow.

- Nombor MAL

MAL20106014X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

DYNAPHARM (M) SDN. BHD.
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3,
13600 Perai, Pulau Pinang,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

15/01/2026

Nombor Siri:

NPRA(R2)20/072